

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman Kerajaan secara pengeluaran bon dengan Bank Negara Malaysia (BNM) selaku Ejen Fasiliti atau dengan mana-mana cara lain dari bulan Julai sehingga sekarang. Nyatakan tujuan dan keperluan pinjaman tersebut dengan mengambil kira kedudukan kewangan negara yang sedia ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program pinjaman Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan kepada keperluan untuk membiayai semula hutang yang matang dan defisit fiskal tahunan. Secara amnya, Kerajaan memperoleh pinjaman melalui terbitan bon atau sukuk di pasaran domestik atau luar negara. Dalam hal ini, jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan sehingga Ogos 2021 adalah sebanyak 150.8 bilion ringgit. Ia diperoleh melalui terbitan instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (atau MGS) sebanyak 56.5 bilion ringgit, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (atau MGII) sebanyak 52.5 bilion ringgit, bil perbendaharaan sebanyak 36.5 bilion ringgit dan pinjaman luar pesisir melalui terbitan Sukuk Global 2021 sebanyak 5.3 bilion ringgit.

2. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 65.5 bilion ringgit adalah untuk membiayai semula (atau *refinance*, dengan izin) hutang terdahulu yang matang dan 85.3 bilion ringgit untuk membiayai defisit fiskal termasuk, dengan izin *prefund* hutang yang akan matang dalam tahun semasa.

3. Dalam membiayai defisit fiskal ini, terimaan pinjaman sebanyak 40 bilion ringgit digunakan untuk perbelanjaan pembangunan dan sebanyak 20.8 bilion ringgit untuk Kumpulan Wang COVID-19 (atau KWC). Perbelanjaan di bawah KWC merangkumi Bantuan Prihatin Rakyat, Bantuan Prihatin Nasional, Program Subsidi Upah, Geran Khas Prihatin, perbelanjaan berkaitan COVID-19, sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas dan projek berskala kecil.

Sekian, terima kasih.